



PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

Headline: Jururawat, guru rugi hampir RM300, 000 dijerat Macau Scam
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 31 December 2022

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 20

Jururawat, guru rugi hampir RM300,000 dijerat Macau Scam

Kuantan: Seorang jururawat dan guru kerugian berjumlah hampir RM300,000 apabila masing-masing dijerat sindiket Macau Scam serta terperdaya dengan penipuan tawaran pekerjaan sambilan dalam platform e-dagang.

Dalam kes membabitkan seorang jururawat wanita berusia 36 tahun, mangsa kerugian RM198,000 selepas diperdaya anggota Macau Scam yang menyamar sebagai kakitangan penghantaran barang dan pegawai polis.

Ketua Polis Pahang, Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf, ber-

kata menurut laporan diterima kelmarin, mangsa yang bertugas di sebuah hospital kerajaan, dikatakan mendapat panggilan pada 13 Disember lalu daripada individu menyamar sebagai pihak syarikat penghantaran barang sebelum panggilan disambungkan kononnya kepada 'pegawai polis' pula.

"Mangsa didakwa terbabit sindiket senjata api dan pengedaran dadah, sebelum diminta membuat pinjaman peribadi dan diberikan satu pautan untuk mengisi maklumatnya. Selepas permohonan pinjaman peribadi itu dilu-

luskan pihak bank dalam tempoh kira-kira dua minggu, wang itu dipindahkan ke akaun suspek tanpa disedari mangsa.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Ramli menasihati orang ramai supaya tidak memberi butiran perbankan dalam sebarang aplikasi daripada pautan mencurigakan dan sentiasa semak dengan balai polis, bank atau pejabat berkaitan yang berhampiran untuk pengesahan.

Sementara itu dalam kes be-

rasingan di Pekan, seorang guru lelaki kerugian RM95,100 selepas terperdaya dengan penipuan tawaran pekerjaan sambilan dalam platform e-dagang.

Ketua Polis Daerah Pekan, Superintendan Mohd Zaidi Mat Zin, berkata berdasarkan laporan diterima, mangsa berusia 35 tahun dikatakan menyertai kumpulan yang menawarkan pekerjaan sambilan dalam aplikasi Telegram.

"Mangsa kemudian ditawarkan pekerjaan sambilan melalui WhatsApp, dengan menyertai pautan dalam aplikasi Telegram

yang diberikan sindiket bermula 23 Disember lalu dan mendapat keuntungan semula selepas membuat pelaburan kali pertama.

"Mangsa membuat beberapa tugas dan transaksi dari tarikh 23 hingga 28 Disember lalu ke dalam beberapa akaun berbeza untuk mendapatkan keuntungan seterusnya.

"Bagaimanapun selepas melakukan semua transaksi itu, mangsa menyedari dirinya ditipu kerana masih tiada menerima pulangan wang seperti yang dijanjikan," katanya dalam kenyataan, semalam.